

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5 (29)
Tarikh : 07 Februari 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

**EMEL NOTIFIKASI BAGI DOKUMEN ARAHAN PEMBAYARAN YANG MELIBATKAN
AKAUN TRANSIT JANM NEGERI PERAK UNTUK TUJUAN PENGELUARAN TUNAI –
AFFIN ISLAMIC BANK 106110003448**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah sedia maklum, memandangkan laman eMaklum masih belum dapat dicapai sepenuhnya, JANM Perak telah mengambil inisiatif untuk menghantar salinan dokumen bayaran yang telah disahkan secara emel kepada PTJ bagi memudahkan urusan pengeluaran tunai untuk dokumen bayaran yang melibatkan akaun transit seperti Panjar Wang Runcit (PWR) dan bayaran AP96(a).

3. Dokumen bayaran yang telah disahkan akan diemel kepada Pegawai Peraku 2 yang meluluskan baucar bayaran yang terlibat. PTJ boleh mencetak dokumen tersebut untuk dikemukakan kepada bank tanpa perlu hadir atau menghantar emel dokumen bayaran ke JANM Perak bagi tujuan pengesahan dokumen.

4. Emel notifikasi tersebut akan mula dihantar untuk dokumen bayaran yang mengandungi nombor EFT **bermula pada 10.02.2020**. Bagi dokumen bayaran yang mengandungi nombor EFT bertarikh 9.2.2020 dan sebelumnya, PTJ masih perlu mendapatkan pengesahan daripada JANM Perak.

5. Sekiranya PTJ tidak menerima emel notifikasi daripada JANM Perak selepas 5 (lima) hari daripada tarikh EFT, PTJ boleh menghubungi pegawai di jabatan ini seperti berikut :

- | | | |
|------|--------------------------------|---------------|
| i) | Suhaidah binti Samsudin | - 05-246 2153 |
| ii) | Azimah binti Hashim | - 05-246 2153 |
| iii) | Noor Zafirah binti Kamaruzaman | - 05-246 2156 |
| iv) | Ahmad Faizal bin Saarani | - 05-246 2156 |

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**